



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KERATAN AKHBAR KESUMA

AHAD
1 SEPTEMBER 2024



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Berita Harian
Tarikh	1 September 2024
Ruang	Nasional
Muka Surat	18



'SEGiM entiti terbaik selesaikan isu industri gig'

Kuala Lumpur: Cadangan penambahbaikan industri gig oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dalam akta baharu boleh memberi kesan positif kepada pekerja ekonomi gig.

Presiden Persatuan Penghantar P-Hailing Malaysia (PENGHANTAR), Zulhelmi Mansor, berkata perubahan itu mampu memberikan manfaat kepada pekerja gig, tetapi tidak merangkumi keseluruhan ekosistem kerana perlu membabitkan kerjasama di antara ke-

menterian lain dan agensi yang relevan.

"Pada peringkat PENGHANTAR, yang menjadi keutamaan ialah agensi kerajaan dapat mengawal selia keseluruhan ekosistem ekonomi gig, p-hailing dan e-hailing, dan seterusnya setiap perundangan yang bakal diwujudkan dapat memberikan situasi menang-menang kepada semua pemegang taruh.

"Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGiM) entiti terbaik dalam menyelesaikan isu dalam industri gig," katanya.

Zulhelmi berkata, cabaran utama dalam sektor p-hailing yang masih belum dapat diselesaikan ialah pelan harga lantai bagi menjamin pendapatan penghantar p-hailing.

"Sistem aplikasi syarikat penyedia perkhidmatan p-hailing tidak stabil, yang akhirnya menyebabkan penghantar p-hailing

menjadi mangsa kepada keadaan tertentu.

"Ketiga berkaitan prosedur operasi standard (SOP) dan petunjuk prestasi utama (KPI) yang berubah-ubah dan akhirnya membebani penghantar p-hailing," katanya.

Mengenai harga lantai yang wajar, beliau berkata, PENGHANTAR mencadangkan RM5 untuk tiga kilometer pertama dan RM0.80 bagi

setiap kilometer seterusnya.

"Selain itu, perlu insentif seperti penghantaran lewat malam dan insentif untuk penghantaran barang selepas tiga kilometer, serta insentif menunggu pesanan lebih dari pada 10 minit di gerai juga perlu dipertimbang," katanya.

Pampasan minimum kepada pekerja p-hailing dan e-hailing antara empat teras dalam penggubalan akta bagi melindungi pekerja gig yang akan dibentangkan di Parlimen akhir tahun ini.



Zulhelmi Mansor



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akbar	Sinar Harian
Tarikh	1 September 2024
Ruang	Nasional
Muka Surat	29



137 warga asing termasuk kanak-kanak diselamatkan



Anggota Bahagian Atipsom Bukit Aman menggempur premis menerusi operasi banteras pemerdagangan orang.

KUALA LUMPUR - Op Pintas Mega membanteras jenayah pemerdagangan orang dilaksanakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) berjaya menyelamatkan 137 warga asing termasuk kanak-kanak yang menjadi mangsa eksploitasi buruh.

Operasi dijalankan Bahagian D3 Antipe-mdagangan Orang dan Penyeledupan Migran (Atipsom) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman turut berjaya menahan 398 individu.

Ketua Penolong Pengarah D3 Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Soffian Santong berkata, operasi banteras jenayah pemerdagangan orang secara holistik tahun ini dibuat menerusi dua fasa di seluruh negara.

Menurutnya, fasa pertama

pada Januari berjaya melaksana-kan 42 serbuhan sebelum menahan 285 individu melibatkan warga tempatan dan asing.

"Seramai 64 mangsa diselamatkan terdiri daripada 12 lelaki dan 22 wanita selain 10 kanak-kanak lelaki serta 20 kanak-kanak perempuan," katanya kepada *Sinar Ahad*, baru-baru ini.

Tambah Soffian, fasa kedua dilancarkan pada Jun lalu merekodkan 33 serbuhan dengan 113 tangkapan warga tempatan dan asing.

Katanya, polis menyelamatkan 73 individu melibatkan 25 lelaki, 26 wanita dan 22 kanak-kanak lelaki.

Mengulas mengenai status warganegara mangsa diselamatkan, beliau berkata, paling ramai

ialah warga Myanmar seramai 35 orang, diikuti Thailand (25) dan 23 warga Indonesia.

"Selebihnya membabitkan 17 warga Bangladesh, Filipina (9), Kemboja, Vietnam dan China masing-masing seramai lima orang, tiga etnik Rohingya serta dua Nepal selain lapan warga tempatan," ujarnya.

Jelasnya, operasi secara bersepudu melibatkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan pihak berkuasa tempatan dengan menyarakkan premis kilang, ladang, perikanan, sektor perkhidmatan serta pengemis.

"Polis tidak berkompromi dengan jenayah pemerdagangan orang dan akan mengambil tinjakan undang-undang termasuk Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA)," katanya.



SOFFIAN